



Pembudayaan Akademik ke arah Melonjak Pembangunan Universiti Teknologi MARA Pahang

Hilmi Ab Rahman

ABSTRAK

Setiap kerjaya mempunyai amalan dan gaya yang tersendiri. Sejauh manakah berkesannya sesebuah kerjaya kepada organisasi amat bergantung kepada kewujudan amalan dan gaya kerjaya itu. Budaya akademik umpamanya merupakan amalan dan gaya yang perlu ada di kalangan para akademia. Kesungguhan para akademia yang mengamalkan budaya ini boleh melonjakkan pembangunan universiti dengan ketara sekali. Menyedari hakikat bahawa pembudayaan akademik boleh memberi sumbangan ke arah melonjakkan pembangunan universiti, maka proses-proses ke arahnya perlu dilaksanakan oleh para akademia. Untuk mencapai matlamat ini, kertas kerja ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian utama, iaitu (1) fungsi-fungsi utama universiti yang diterima umum, (2) budaya akademik sebagai budaya utama universiti, dan (3) peranan akademia dalam pembudayaan akademik ke arah melonjakkan pembangunan universiti. Adalah diharapkan, dengan kertas kerja ini, sekurang-kurangnya beberapa usaha tertentu dapat dikenalpasti oleh para akademia di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang bagi membolehkan semua amalan dan gaya penting ini direalisasikan ke arah melonjakkan pembangunan universiti.

Kata kunci: amalan, gaya, budaya akademik, pembangunan universiti

Pengenalan

Meskipun ‘New Public Administration’ (Deem et al., 2003) dan orientasi universiti sebagai usahawan (Slaughter dan Leslie 1997) mula digunakan oleh banyak universiti, universiti terus berperanan sebagai tapak semai yang ampuh bagi melonjakkan negara ke arah pembangunan budaya akademik yang gemilang. Biar apapun bentuk pemikiran pendidikan amnya dan pendidikan tinggi khususnya, budaya akademik perlu menjadi tunjang dalam apa jua operasi, aktiviti atau program universiti. Bahkan, budaya akademik dalam konteks universiti adalah sama penting dengan universiti itu sendiri. Lenyapnya budaya akademik bermakna akan lenyaplah universiti. Perumpamaan ini menunjukkan kepada umum betapa pentingnya budaya ini disemai, dibelai dan dipupuk dari semasa kesmasa (Schein, 1984) agar ianya menjadi amalan, gaya, dan budaya semua akademia dan warga yang bernaung di bawah payung yang bernama universiti. Budaya akademik yang dimaksudkan adalah budaya yang memupuk, menyemai dan menghasilkan individu-individu yang cekap dalam bidang yang diceburinya, mempunyai ‘soft skills’ yang diperlukan dan memiliki sifat-sifat efektif dan kualiti intelektual (Kementerian Pengajian Tinggi, 2005). Kesemua kualiti ini adalah diharapkan akan dapat membantu universiti ke arah melonjakkan pembangunan negara dalam konteks yang lebih luas.

Fungsi-Fungsi Utama Universiti

Sejarah perkembangan universiti menunjukkan kepada kita bahawa terdapat beberapa perbezaan pendapat mengenai fungsi-fungsi utama yang dimainkan oleh universiti. Ada di kalangan mengatakan bahawa universiti perlu kekal dengan fungsi tradisinya iaitu mengajar dan mempertahankan kebebasan ilmu. Namun begitu, selari dengan perkembangan zaman, tanpa mengeneplikan fungsi tradisinya, fungsi universiti semakin berkembang. Hari ini, universiti adalah diharapkan dapat memainkan sekurang-kurangnya tiga fungsi utama iaitu:

1. Pembelajaran dan pengajaran
2. Penyelidikan dan perundingan
3. khidmat masyarakat.

Dalam konteks pendidikan yang lebih luas, terdapat sekurang-kurangnya dua bentuk pemikiran yang mempengaruhi perkembangan pendidikan masa kini (Kementerian Pengajian Tinggi, 2005). Pemikiran yang pertama ialah pendidikan adalah bertujuan untuk memenuhi matlamat utilitarian; dan pemikiran yang kedua, mempercayai bahawa pendidikan adalah bertujuan membangun manusia dan mengembang ilmu. Kedua-dua bentuk pemikiran telah dengan ketaranya mempengaruhi perkembangan pendidikan di peringkat rendah, menengah bahkan peringkat tinggi terutamanya universiti dan kolej di seluruh dunia. Bagi mereka yang menganuti pemikiran bahawa pendidikan adalah bertujuan utilitarian, universiti hari ini dilihat sama ada mampu atau tidak bergantung kepada sejauhmana ianya mampu menyediakan tenaga kerja yang dikehendaki oleh pasaran, menyumbang kepada pembangunan ekonomi, perdagangan dan perniagaan. Kumpulan ini juga berpendapat sesbuah universiti itu dikatakan berjaya apabila ianya mampu menghasilkan birokrat, ahli sains, ahli ekonomi, teknokrat dan profesional. Akibatnya, seluruh jentera universiti digerakkan ke arah tujuan ini. Sementara itu pula, bagi pihak yang mempercayai bahawa pendidikan adalah bermatlamatkan pembangunan manusia dan perkembangan ilmu, universiti adalah dianggap sebagai entiti bebas dan bersendirian. Universiti dalam konteks ini dikatakan tidak mempunyai hubungkait langsung dengan penghasilan tenaga kerja melainkan mengeluarkan manusia yang seimbang dan harmonis (dari segi fizikal, emosi, rohani dan intelektual) serta menganut fahaman bahawa pendidikan adalah '*'life-long'*' sifatnya. Selaras dengan ini, seluruh jentera universiti dimanfaatkan ke arah itu.

Apabila universiti menjadi semakin dominan dan '*visible*' di mata masyarakat dan akses kepada pendidikan menjadi lebih liberal, beberapa keperluan masyarakat mula menjadi tugas dan tanggungjawab universiti. Masyarakat umpamanya berhasrat agar universiti dapat memainkan peranan yang lebih aktif dan mampu merealisasikan sekurang-kurangnya lima matlamat (Ghista dan Sharma, 2008), iaitu:

1. Menentukan imej universal masyarakat
2. Menyediakan kaedah bagaimana pembangunan industri tanpa melupakan kepentingan alam sekeliling
3. Mengangkat kualiti hidup masyarakat
4. Mempastikan anggota masyarakat mempunyai akses kepada kuasa beli bagi keperluan asas dengan mengambil kira keperluan budaya dan estetika masyarakat,
5. Membangun pemikiran setempat dan sejagat.

Budaya Akademik sebagai Budaya Universiti

Secara amnya, budaya adalah merujuk kepada sesuatu yang berkait rapat dengan budi dan akal manusia. Selain dari itu ianya merujuk kepada apa yang dibawa dan dikerjakan oleh manusia dengan cara yang sedar dan bertentangan dengan perkara-perkara yang bersifat semula jadi. Ianya juga adalah satu konsep yang menyeluruh dan merangkumi komponen-komponen seperti ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, tatasusila, undang-undang, adat resam, kebolehan dan kebiasaan yang dimiliki oleh manusia (Tylor, 1970). Ianya boleh berubah dan dipelajari dan miliki oleh kelompok atau kumpulan (Griffin dan Pustay, 2009). Akademik pula merujuk kepada aktiviti-aktiviti keilmuan dan kesarjanaan, baik dari segi perolehan atau penjanaan. Manifestasi ini sekaligus merumuskan bahawa bagi akademia, mereka mempunyai gaya dan amalan yang tersendiri dan seterusnya terwarna oleh apa yang mereka ada dan lakukan. Apa yang mereka ada dan lakukan ini seterusnya akan membezakan mereka dengan kelompok bukan akademia.

Apabila para akademia berhimpun di suatu tempat umpamanya universiti, universiti secara tidak langsung akan memiliki budaya, amalan dan gaya yang tersendiri. Perhimpunan para akademia dalam satu universiti akan membentuk nilai organisasi sebuah universiti di mana sebagai satu kelompok, mereka akan membentuk kepercayaan dan idea tentang apa yang patut atau piawai untuk dilakukan berpandu kepada norma, panduan serta ekspektasi sebagai seorang akademia yang akhirnya nanti akan membentuk budaya akademik. Ahli organisasi (iaitu para akademia) akan mempunyai satu piawai khusus yang akan menterjemah dan menggambarkan siapakah mereka sebenarnya (Black, 2003).

Misi dan visi sesebuah universiti dan akademia hanya dapat diterjemahkan apabila budaya besar yang mengawalnya adalah budaya akademik. Selepas itu, sebagai natijahnya, budaya ini nanti akan mewarnai seluruh universiti dalam apa juga inisiatifnya. Sebagai sebuah universiti, para akademia tidak boleh sekali-kali membenarkan budaya yang lain selain dari budaya akademik untuk mengambil tempat. Malah, inilah budaya yang perlu diberikan ruang dalam ruang lingkup misi dan visi universiti dan seterusnya memayungi segala operasi, amalan, gaya dan budaya universiti. Dalam konteks yang lebih luas, sebagai sebuah gedung ilmu (Kementerian Pengajian Tinggi, 2005), budaya akademik akan menghasilkan ilmuan, cendikiawan dan kesarjanaan, seterusnya melahirkan pekerja yang berketerampilan untuk menyumbang kepada lonjakkan pembangunan negara amnya dan universiti khasnya.

Meskipun penggunaan pendekatan dan model yang berbeza, fungsi, peranan dan matlamat universiti sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berteraskan akademik perlu dipertahan dan diperkuuhkan serta tidak boleh dikorbankan sama sekali. Universiti mesti terus menekankan peningkatan kecemerlangan akademik samada melalui proses penyampaian, penyebaran dan penjanaan ilmu pengetahuan untuk dimanfaatkan oleh masyarakat dan rakyat dalam negara khususnya, dan di peringkat global amnya. Sesungguhnya perbezaan pendekatan, pemikiran atau model (seandainya ada) perlu diketepikan kerana universiti adalah satu makmal hidup yang besar bagi menjana perkembangan masyarakat (Ghista dan Sharma, 2008). Sebagai sebuah makmal hidup yang besar, universiti mestilah mampu mendengar denyut nadi masyarakat dan seterusnya boleh mengenalpasti langkah-langkah yang boleh diambil bagi menelusuri perjalanan membangun masyarakat. Dalam konteks fungsi universiti iaitu melaksanakan inisiatif khidmat masyarakat, akademia perlu membina satu kerangka bagi mengekal dan mengembangkan pengetahuan sedia ada masyarakat (Olssen dan Peters, 2005).

Peranan Akademia dalam Pembudayaan Akademik ke arah Melonjakkan Pembangunan Universiti

Dari segi persepsi masyarakat universiti dianggap sebagai sebuah gedung ilmu, menara gading, pengeluar tenaga kerja dan sebagainya. Beberapa buah universiti secara langsung atau tidak, telah mula memainkan peranan yang agresif dalam ekonomi, politik dan sosial. Hari ini kita dapatti bahawa universiti yang berjaya (seperti University Stanford dengan Lembah Silicon dan MIT dengan Route 128 Boston), selain dari berperanan dalam perkembangan tradisi keilmuan, telah terlibat dalam industri tidak seperti sebelumnya. Ada di antara universiti ini telahpun mampu menjana pendapatan dari hasil penyelidikan yang dipatenkan (sehingga pada tahap membimbangkan industri, umpamanya di Amerika). Pada masa yang sama juga terdapat universiti menuju anak syarikat bagi mempastikan peranan yang lebih dominan dapat dimainkan lagi.

Semua perkembangan ini menuntut komitment yang bukan sedikit daripada warga universiti. Namun begitu, dalam konteks yang lebih memfokus, para akademia perlu mengenalpasti apakah peranan mereka bagi mempastikan budaya akademik terus subur di universiti. Sebahagian dari peranan yang disebutkan di bawah terdiri dari amalan dan gaya yang telah ditetapkan oleh universiti. Sebahagiannya pula adalah peranan-peranan yang tersirat akibat dari berkembang biaknya budaya akademik di kalangan akademia. Di antara peranan-peranan itu adalah:

1) Personaliti Akademia

Sebagai modal insan, personaliti akademia merupakan komponen utama dalam menggerak dan memajukan sesebuah organisasi. Meskipun amanah akademik mempunyai sistem dan peraturannya, ianya masih terbuka kepada budi bicara yang luas dan kelenturan yang agak maksimum, maka nilai dan etika akademia menjadi semakin perlu untuk amalan. Dalam konteks Universiti Teknologi MARA, terdapat sepuluh nilai dan etika perlu dihayati dan diamalkan, iaitu integriti, akauntabiliti, menghargai masa, dedikasi, tawaddhu', penambahbaikan berterusan, berdisiplin, bekerjasama, kesarjanaan dan bersyukur (Universiti Teknologi MARA, 2007). Nilai dan etika ini penting kerana ianya memandu dan memantau para akademia dalam melaksanakan tugas hakiki mereka. Sejauhmana berjayanya nilai dan etika ini dalam menentukan para akademia berada di atas landasan yang boleh menyuburkan budaya akademik, jurang di antara kepercayaan (tentang betapa pentingnya nilai dan etika ini hayati dan diamalkan) dan amalan sebenar perlu didekat atau dihapuskan. Kepercayaan bahawa nilai dan etika hanya sekadar perlu dipamer tanpa pengamalan yang bersungguh-sungguh perlu dinilai kembali kerana ini boleh mencemar imej dan persepsi masyarakat.

2) Peranan Akademia dalam Memupuk Budaya Akademik

Peranan yang dimainkan oleh akademia dalam konteks fungsi-fungsi utama universiti. Umumnya, terdapat tiga peranan akademia dalam memupuk budaya akademik di universiti. Pertama, pengajaran; kedua, penyelidikan, penulisan, perundingan atau perkomersilan; dan ketiga khidmat masyarakat (Universiti Teknologi MARA, 2007). Pengajaran umpamanya, menuntut para akademia berfungsi sebagai pendidik dalam penggalak pelajar meningkatkan pengetahuan, menanam semangat mencapai kecemerlangan, menjadi '*role model*' yang lengkap dan membentuk akhlak mereka sebagai pelajar. Selain dari itu, peranan pengajaran juga memerlukan akademia untuk melibatkan diri dalam tugas bukan-pengajaran seperti

pembangunan kurikulum, peperiksaan, jaringan dengan masyarakat luar dan sebagainya. Juga tidak dilupakan peranan pengajaran akademia memerlukan para akademia untuk terus menerus meningkatkan kemahiran dan kepakaran mereka selaras dengan keperluan jawatan yang ditanggung. Dalam konteks penyelidikan dan yang berkaitan dengannya, adalah menjadi keperluan bagi akademia untuk terlibat dengan mendalam kerana kriteria universiti tidak lagi terhad kepada pengajaran semata-mata walaupun sebagai sebuah universiti affirmatif seperti UiTM. ‘Populasi’ pelajar bumiputera di semua kampus UiTM mestilah diterjemahkan oleh ‘populasi’ para akademia dalam penyelidikan, penulisan, inovasi, perundingan, pengajaran, khidmat masyarakat dan pengkomersialan. Usaha-usaha ke arah ini perlu disokong sepenuhnya kerana perjuangan UiTM sehingga 2010 adalah ke arah menjadi satu-satunya Universiti Penyelidikan. Fungsi terakhir universiti yang perlu dimainkan oleh para akademia bagi mempastikan budaya akademik terus subur adalah khidmat masyarakat. Khidmat masyarakat akademia adalah bermakna perkongsian ilmu dan kepakaran dalam menyediakan perkhidmatan khusus disediakan untuk masyarakat.

3) Tanggungjawab Akademia kepada Universiti

Satu lagi aspek peranan yang perlu dimainkan bagi mempastikan budaya akademik terus berfungsi dalam melonjakkan pembangunan universiti adalah para akademia perlu melaksanakan tanggungjawab mereka dalam konteks lima tanggungjawab akademia (Universiti Teknologi MARA, 2007). Mempastikan tanggungjawab akademia kepada profesion, pelajar, rakan sejawat, universiti dan masyarakat serta negara berjalan, secara langsung atau tidak langsung budaya akademik dapat di lestarikan dengan berkesan. Tidak dapat dinafikan bahawa komponen tanggungjawab ini sekiranya dipikul dengan penuh kesedaran akan dapat mewujudkan kerjasama yang erat di antara akademia dengan pelbagai pemegang taruh dalam masyarakat. Selain dari itu, kesedaran kepada pelbagai tanggungjawab tersebut akan membuka ruang untuk timbulnya sikap ingin berkongsi; tradisi percambahan dan pertukaran pendapat/idea yang sihat; mengerti dan menerima hakikat perbedaan antara akademia; bersangka baik di antara satu sama lain; harga diri yang tinggi; keinginan berjuang selari dengan pemantapan daya saing yang betul; dan hormat menghormati sesama akademia.

4) Akademia sebagai ‘trendsetters’

Berdasarkan kepada zaman seperti yang dirakamkan oleh Drucker dalam ‘*The Frontiers of Management*’ (Drucker, 1986), perubahan yang berlaku perlu ditangani dengan berhemah. Dalam konteks akademia sebagai penentu tren, akademia bukan lagi mengikut tren sezaman atau masa tetapi sebaliknya. Keadaan ini akan menghasilkan akademia yang bukan sekadar meniru atau membawa tren luar ke dalam kampus tetapi sebaliknya di tangan akademia sebenarnya tren atau rentak itu ditentukan. Kemampuan ini akan sekaligus, tidak akan menghasilkan kumpulan-kumpulan pak turut, tetapi para akademia yang menentukan keadaan. Natijah akhir dalam episod ini, warga universiti akan didorong untuk menjadi kreatif, inovatif dan produktif selari dengan model baru ekonomi seperti yang disebutkan dalam Pembentangan Belanjawan 2010 (Najib, 2009).

5) Akademia sebagai Penyelesaian Masalah

Para akademia mampu membantu menyelesaikan masalah secara saintifik bagi proses-proses strategik dan rutin universiti. Dalam tradisi ilmu yang unggul dan disemarakkan oleh budaya akademik yang bebas, penyelesaian masalah perlu didasari oleh premis yang tepat dan bukti empirikal yang dijana dari penyelidikan. Penyelidikan sebagai contoh, adalah sarat dengan proses, kaedah atau cara untuk sampai kepada kesimpulan. Pendekatan penyelidikan ini penting untuk dipindahkan ke dalam pentadbiran kerana universiti mempunyai proses-proses strategik dan rutin yang merangkumi komponen-komponen perancangan, penyusunan, pembuatan keputusan dan penyelarasaran. Apabila budaya akademik sebagai budaya dominan dalam kampus universiti, kumpulan akademia boleh dimanfaatkan sepenuhnya terutama sekali dalam jawatankuasa-jawatankuasa di pelbagai peringkat. Penglibatan akademia dalam aktiviti inovatif dan kreatif umpamanya boleh memperkaya dan memperkemaskan proses-proses strategik dan rutin universiti.

6) Pandangan Baru terhadap Alam

Budaya akademik dimantapkan sekiranya para akademia melihat alam dari sudut pandangan yang lain dari kebiasaan. Dalam universiti, setiap peristiwa boleh diperhatikan dari sudut akademik, aktiviti santai umpamanya boleh dilihat dari sudut pandangan akademik. Dengan cara ini aktiviti santai tidak lagi dilihat dari konteks santai tetapi sebagai satu aktiviti yang mempunyai perancangan, penyusunan dan nilai-nilai tambah. Pendekatan ini akan mengelakkan universiti dari dibanjiri oleh peristiwa yang tidak bersesuaian dengan budaya akademik dan universiti. Penafsiran baru kepada peristiwa akan membolehkan nilai tinggi dicapai dan proses pengkayaan berlaku.

7) Realiti semasa kampus

Dalam konteks semasa UiTM Pahang, sebagai sebuah kampus cawangan yang relatifnya kecil dan baru, potensi dan peluang masih banyak yang belum diterokai sepenuhnya. Sebagai sebuah kampus yang bertemakan khazanah alam, berlatar belakang kayu dan ladang, ruang dan peluang pemantapan budaya akademik terbuka untuk dimanfaatkan. Sesungguhnya, penjelmaan dan penafsiran konsep khazanah alam menyediakan platform yang cukup strategik bagi para akademia. Sumber semulajadi yang ada dan penambahan skop dalam tadbir urus kampus menjadikan pengekalan dan pemantapan '*academic rigour*' sebagai satu kemestian bagi anggota akademia.

8) Manfaat Setempat

Dari segi lokasi kampus, UiTM Pahang amat bertuah kerana ianya berada di dalam kawasan rancangan pembangunan tanah yang terbesar di Malaysia yang akhirnya menjadikan Malaysia pengeluar besar kelapa sawit dan getah dunia. Selain dari daerah dan negeri yang pesat berkembang, penglibatannya dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan kedudukan yang hampir dengan Zon Khas Ekonomi (SER) yang bermula dari Tanjung Agas di Pekan hingga ke Kertih di Terengganu telah menjadikan UiTM Pahang berada berhampiran dengan pintu masuk ke pantai timur Semenanjung Malaysia yang berkembang. Semua ini bahan mentah yang menunggu untuk diproses untuk menjadi barang-barang siap. Para akademia yang ada

seharusnya mengambil peluang yang ada untuk memantapkan lagi kerjaya mereka, seterusnya dapat menyumbang kepada kemantapan dan kecemerlangan universiti.

9) Perkembangan Universiti dan Hala Tuju Strategik

Sebagai sebuah universiti yang baru diiktiraf, fasa-fasa penting sebuah universiti akan dilalui sepenuhnya oleh UiTM. Berdasarkan pelan universiti, kampus cawangan perlu berkembang ke arah menjadi sebuah universiti komprehensif dalam jangkamasa yang terdekat (Ibrahim Abu Shah, 2009). Perkembangan ini memerlukan para akademia untuk melipat gandakan usaha bagi menjadi perkembangan ini dan hala tuju strategiknya satu kenyataan. Usaha ini menjadi lebih perlu kerana ruang dan peluang yang ada pada kampus cawangan ini adalah luas dan terbuka.

10) Objektif Akhir Ilmu

Umum mengetahui bahawa ilmu sekurang-kurangnya bermatlamat untuk memberi kesejahteraan kepada masyarakat. Dari konteks objektif akhir ilmu yang luas, cabaran ilmu sebagai pemberi kesejahteraan kepada masyarakat memerlukan para akademia bersiap sedia pada bila-bila masa, keadaan dan tempat bagi membolehkan mereka memikul tugas dan tanggungjawab untuk memartabatkan budaya akademik pada bila-bila masa. Keadaan ini bertepatan dengan peranan universiti kini yang tidak lagi dilihat sebagai sebuah menara gading tetapi sejahterakan ianya membawa manfaat kepada masyarakat.

Sepuluh peranan langsung dan tidak langsung di atas adalah diharapkan dapat menyumbang usaha ke arah pembangunan UiTM Pahang yang lebih gemilang lagi. Seandainya peranan di atas wujud dan beroperasi di kalangan masyarakat universiti, budaya akademik akan menjadi budaya yang mewarna dan menghiasi universiti serta akan mampu mengangkat martabat dan kedudukan UiTM Pahang ke arah yang lebih tinggi di mata umum.

Kesimpulan

Tidak syak lagi budaya akademik adalah budaya sebenar universiti. Kehadirannya perlu dimantap dan diperbaiki dari masa ke semasa dengan harapan universiti akan mendapat nilai tambah dari proses dan aktivitinya. Peranan dasar kementerian, industri, iklim ekonomi semasa, pentadbiran universiti, kepimpinan akademik, kumpulan sokongan akademik dan bukan akademik, pelajar dan pemegang taruh lain tidak kurang pentingnya. Meskipun konsep budaya akademik dalam kertas kerja ini agak terhad, sekiranya dapat dilakukan dengan teratur dan tersusun, ianya akan dapat membantu proses dan prosedur universiti ke arah yang lebih mampan dan berdaya maju serta boleh melonjakkan pembangunan UiTM Pahang ke tahap yang lebih tinggi lagi pada masa hadapan.

Rujukan

- Black, R. J. (2003). *Organisational Culture: Creating the Influence Needed for Strategic Success*. USA: Dissertation.com.
- Deem, R., Hillyard, S., & Reed, M. (2008). *Knowledge, Higher Education, and the New Managerialism: The Changing Management of UK Universities*. United Kingdom: Oxford
- Drucker, P. F. (1986). *The Frontiers of Management: Where Tomorrow's Decisions are Being Shaped Today*. USA: Penguin.
- Ghista, D.N & Sharma, R.S. (2008). On the Role of Universities in Building Knowledge and Human-centred Societies. *Journal of the World Universities Forum*, 1(5).
- Griffin, R. W., & Pustay, M.W. (2009). *International Business*. USA: Prentice Hall.
- Higgins, J., Mcallaster, C. et al. (2006). *Using Cultural Artifacts to Change and Perpetuate Strategy*.
- Ibrahim Abu Shah (2009). Taklimat Naib Canselor kepada Menteri Pengajian Tinggi di Universiti Teknologi MARA ‘Taklimat Transformasi, Pencapaian dan Perancangan UiTM: From Zero to Hero’, di Shah Alam pada 2 November 2009.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2005). Laporan Jawatankuasa Mengkaji, Menyemak dan Membuat Perakuan Tentang Perkembangan dan Hala Tuju Pendidikan Tinggi Malaysia’. Malaysia: Kementerian Pengajian Tinggi.
- Najib Razak.(2009). *Belanjawan 2010*. Malaysia: Kementerian Kewangan Malaysia
- Olssen, M., & Peters, M. A. (2005). Neoliberalism, Higher Eduction and the Knowledge Economy: From the Free Market to Knowledge Capitalism. *Journal of Education Policy*, 20 (3), 313-345.
- Slaughter, S & Leslie, L. (1997). *Academic Capitalism: Politics, Policies and the Entrepreneurial University*. USA: Johns Hopkins University Press.
- Schein, E.H. (1984). Coming to a New Awareness of Organisational Culture. *Sloan Management Review*.
- Tylor, E.B. (1970) *The Origins of Culture*. Gloucester: Peter Smith.
- Universiti Teknologi MARA. (2007). *Nilai dan Etika Pensyarah Universiti Teknologi MARA*. Shah Alam: UPENA